

**Pemerkasaan Lambang Kenegaraan Malaysia Sebagai
Pemangkin Patriotisme dalam Kalangan Pelajar Institusi
Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia**

***Empowerment of the Malaysia National Emblem as a Catalyst
for Patriotism among Students of Higher Education Institutions
(HEI) in Peninsular Malaysia***

**Ayu Nor Azilah Mohamad¹, Mohamed Ali Haniffa² & Wayu Nor Asikin
Mohamad³**

¹ (Corresponding Author) Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 43000, Malaysia, e-mail: ayunorazilah@kuis.edu.my

² Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 06010, Malaysia, e-mail: m.ali@uum.edu.my.

³ Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa, Kolej Universiti Bestari, Putera Jaya, 22100, Malaysia, e-mail: wayu@ucbestari.edu.my.

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang langkah-langkah pemerkasaan lambang-lambang kenegaraan Malaysia sebagai medium pemangkin patriotisme dalam kalangan warga Malaysia. Lambang-lambang kenegaraan Malaysia ini meliputi lima perkara iaitu Jata Negara, Lagu Negaraku, Bendera Kebangsaan, Bunga Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan. Pemilihan kelima-lima lambang kenegaraan Malaysia ini mempunyai sejarah yang tersendiri. Artikel ini menggunakan metodologi kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan data daripada responden bagi menjawab objektif kajian. Seramai 350 orang responden terlibat dalam menjawab borang soal selidik ini. Responden ini dipilih secara rawak dalam kalangan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS versi 24. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa lambang-lambang kenegaraan Malaysia berperanan penting sebagai medium pemangkin patriotisme dalam kalangan warga Malaysia dengan nilai min 4.29 iaitu interpretasi min tahap tinggi. Dapatan kajian ini menjadi salah satu kayu ukur tahap kepedulian dan perasaan cinta masyarakat Malaysia terhadap negara Malaysia.

Kata kunci: Lambang-lambang; Kenegaraan; Patriotisme; Malaysia.

ABSTRACT

This article discusses the stages to strengthening the symbols of Malaysian Nationhood as a catalyze towards patriotism among students of Higher Education

Institutions (HEI) in Peninsular Malaysia. The symbols of Malaysian Nationhood consist of five items, namely the National Coat of Arms, National Anthem, National Flag, National Flower and the National Language. The selection of these five symbols of Malaysian Nationhood has its own special features and history. This article uses qualitative and quantitative methodology to obtain data from respondents to answer the objectives of the study. A total of 350 respondents were involved in answering this questionnaire. These respondents were selected randomly among students from Public Higher Education Institutions (IPTA) and Private Higher Education Institutions (IPTs) in Peninsular Malaysia. Data were analyzed descriptively using SPSS version 24. The results of the study showed that Malaysia national symbols play an important role as a medium to catalyze patriotism among students in IPTA and IPTs in Peninsular Malaysia with a mean value of 4.29 which is a high-level mean interpretation. The findings of this study considered as a yardstick to the level of concern and love of citizens towards Malaysia.

Keywords: Emblems; Nationhood; Patriotism; Malaysia.

1. Pendahuluan

Patriotisme banyak bergantung kepada tindakan simbolik, seperti mempamerkan bendera, menyanyi lagu kebangsaan, menyertai perhimpunan berunsurkan kenegaraan secara beramai-ramai, meletakkan pelekat patriotik pada kenderaan, atau apa-apa cara sekalipun untuk menyatakan kesetiaan kepada negara pada peringkat umum. Bagaimanapun, masyarakat sekarang seakan-akan lupa akan pentingnya memupuk semangat patriotisme dalam diri masing-masing (Aminudin Mansor, Utusan Online: 4 September 2018). Hal ini kerana kita sering kali melihat anak bangsa kita yang tidak mengambil endah akan isu-isu yang menonjolkan semangat patriotisme seperti bangga akan pencapaian negara dan budaya bangsa, kehendak memelihara ciri-ciri bangsa dan dasar budayanya serta identifikasi dengan ahli-ahli lain dalam bangsa (Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, Berita Harian Online: 18 September 2014).

Sikap ambil mudah terhadap identiti negara boleh menghilangkan jati diri sebagai anak Malaysia. Bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan tidak lagi menjadi kebanggaan kepada sesetengah anak-anak Malaysia. Situasi yang sama juga terjadi kepada bunga raya. Kemungkinan generasi akan datang tidak lagi mengenali bunga kebangsaan negara kita. Hal ini tidak mustahil akan berlaku sekiranya kita tidak mengambil serius tentang hal ini. Mungkin generasi akan datang tidak mengenali sama sekali apa itu bunga raya, kenapa dia dipilih menjadi bunga kebangsaan, apa kepentingannya dan apakah maksud yang tersirat di sebalik kemerahan bunga raya itu? (Utusan Online: 1 Oktober 2010). Oleh yang demikian, sebagai rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum dan berbeza agama, tentunya tidak mampu menunggu sehingga tahap kritikal seperti perumpamaan "sudah terhantuk,

barulah tengadah". Rakyat Malaysia tentulah mengetahui pentingnya patriotisme. Seharusnya nilai patriotisme haruslah diterapkan kepada generasi muda sejak awal pembelajaran lagi agar menjadi pegangan hidup kelak. Pendidikan awal adalah amat penting bagi mencorakkan kehidupan seseorang itu yang bermula dari peringkat kanak-kanak lagi. Firman Allah SWT (al-Nahl 16:78) yang bermaksud "Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur." Oleh itu, bukalah sedikit ruang untuk menerima prinsip kenegaraan dan identiti nasional yang seharusnya menjadi payung kepada pembinaan negara bangsa (Shamrahayu Ab Aziz, 26 Januari 2016. Berita Harian).

2. Objektif Kajian

Objektif kajian artikel ini ialah untuk membincangkan tentang langkah-langkah pemerkasaan lambang-lambang kenegaraan Malaysia sebagai medium pemangkin patriotisme dalam kalangan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia.

3. Metodologi

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik. Seramai 350 orang responden yang terdiri daripada para pelajar IPTA dan IPTS di Semenanjung Malaysia yang terpilih. Responden yang menjawab soal selidik ini dipilih secara rawak. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS versi 24. Selain itu, metodologi kualitatif pula menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kaedah ini dilaksanakan untuk mendapatkan bahan-bahan sokongan dan maklumat lebih tepat bagi mencapai objektif kajian. Dokumen kajian kepustakaan seperti jurnal, buku berkaitan dengan kajian, surat khabar, majalah, brosur, kertas kerja seminar dan sebagai juga berupaya untuk menyokong serta memberi maklumat tambahan kepada perbincangan dapatan kajian.

4. Sorotan Kajian Lepas

Bacaan asas dalam mendalami kajian ini boleh diperolehi dari penulisan Koen Setyawan yang bertajuk *Fakta Unik Lambang Negara di Dunia* yang telah diterbitkan pada tahun 2017. Buku yang berbentuk santai ini mengandungi penerangan ringkas mengenai lambang-lambang kenegaraan di serata negara di dunia. Elemen grafik yang dimasukkan dalam buku ini menjadi suatu elemen tarikan yang boleh memupuk nasionalisme dan

patriotisme dalam kalangan generasi muda (Koen Setyawan, 2017). Seharusnya bahan-bahan bacaan yang berbentuk santai begini menjadi daya penarik utama dalam menyemai rasa cinta terhadap lambang-lambang Kenegaraan Malaysia.

Setiap negara di dunia mempunyai lambang-lambang negara yang tersendiri. Terdapat sebuah buku yang amat menarik untuk diteliti ialah *National And State Symbols*. Buku yang cukup santai ini membincangkan mengenai lambang-lambang negara yang digunakan dalam negara dan setiap negeri di India. Suatu yang amat unik untuk dilihat ialah lambang-lambang tersebut dibahagikan kepada Haiwan Kebangsaan, Burung Kebangsaan, Bunga Kebangsaan, Sungai Kebangsaan, Pokok Kebangsaan dan Buah-buahan Kebangsaan (Akila Sivakumar, 2018). Kepelbagaian etnik dan budaya menyebabkan pemilihan lambang-lambang negeri yang berbeza. Buku bergambar ini memberikan maklumat terperinci dan padat.

Menurut Jeniri Amir (2013) dalam buku yang bertajuk “ Bahasa Melayu Bermula Dari Bawah” juga tidak dinafikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan memainkan peranan signifikan dalam mewujudkan kesepaduan sosial dan seterusnya masyarakat pelbagai etnik yang bersatu padu. Bahasa Melayu memainkan peranan untuk mengikat jiwa dan minda rakyat. Sesungguhnya, bahasa Melayu ialah lambang jati diri bangsa. Tidak mungkin bahasa lain dapat mengambil alih peranan dan kepentingan Bahasa Melayu di negara ini. Hal ini kerana Bahasa Melayu digunakan secara meluas. Bahasa Melayu dapat dijadikan sebagai alat perpaduan dan berupaya meruntuhkan tembok penghalang perpaduan. Perhubungan dan persefahaman dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dapat dipupuk serta dimantapkan melalui Bahasa Melayu. Hal yang demikian menyebabkan Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa pengantar dalam sistem pelajaran negara. Matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan menjelaskan dalam pendahuluan Akta pelajaran 1961, iaitu untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang etnik. Hal ini ditegaskan lagi dalam Laporan Razak 1956. Sejak itu, matlamat pelajaran menekankan perpaduan pelajar daripada pelbagai etnik.

Manakala Ruhanie Haji Ahmad (2005) menghuraikan bahawa rakyat Malaysia seharusnya menghargai Jata Negara kerana ini merupakan identiti negara Malaysia dan merupakan pemangkin semangat patriotik dalam setiap rakyat Malaysia. Patriotisme akan melahirkan perasaan berbangga kepada negara dengan menghormati lambang kenegaraan seperti Jata Negara. Perkara ini juga menjadi satu kebanggaan bagi setiap rakyat dan menjamin kedaulatan negara. Menghayati sebuah buku yang bertajuk *Patriotisme Malaysia: Penangkis Neoimperialisme* adalah amat perlu dalam usaha mengembalikan jati diri dalam dasawarsa kini (Ruhanie Haji Ahmad, 2005). Lambang-lambang negara ini seharusnya berperanan sebagai penyatu dalam kalangan pelbagai etnik dalam usaha mengembalikan jati diri.

5. Sejarah dan Maksud Lambang-Lambang Kenegaraan Malaysia

Lima elemen yang menjadi lambang-lambang kenegaraan Malaysia ialah Jata Negara, lagu Negaraku, Bendera Kebangsaan, Bunga Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan.

5.1 *Jata Negara*

Sejarah Jata Negara bermula apabila Versi asal Jata Negara pernah digunakan sejak dari zaman Persekutuan Tanah Melayu, 1948. Pada peringkat awal hanya melibatkan 4 negeri iaitu Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Jata Negara ini diperkenalkan pada tahun 1895. Moto pada Jata Negara ditulis dalam bahasa Jawi iaitu 'Dipelihara Allah' (*Under Allah's Protection*).

Jata negara Malaysia telah melalui beberapa siri perubahan yang digunakan oleh kerajaan Persekutuan. Persamaan Jata Negara Malaysia menyamai karakteristik Heraldic Eropah. Selepas Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948, lambang kebangsaan ini diubah selepas penambahan beberapa negeri dalam kerajaan Persekutuan. Simbol Mahkota diubah kepada simbol bulan dan bintang. Perisainya pula mengandungi 5 keris dan lambang Pulau Pinang (*Princess of Wales Feathers*) dan Melaka (A Famosa). Moto diubah kepada 'Bersekutu Bertambah Mutu,' dengan kedua-duanya ditulis dalam bahasa Melayu (Jawi) dan bahasa Inggeris (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).

Lambang Jata Negara diubah buat kali keduanya pada tahun 1963 selepas penggabungan Kerajaan Persekutuan Malaysia, Singapura, negeri Sabah dan Sarawak diletakkan di sebelah bawah perisai tersebut. Lambang negeri Melaka dan Pulau Pinang pula diubah kepada pokok pinang dan pokok melaka. Namun hanya bertahan selama dua tahun. Namun selepas pemisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia, lambang tersebut telah diubah dengan pengguguran lambang Singapura. Ini digantikan dengan lambang bunga raya.

Jata Negara diubah dengan rekaan dua ekor harimau yang lebih realistik. Sedikit perubahan pada simbol negeri Sarawak, Pulau Pinang dan Sabah. Simbol Jata Negara terkini digunakan sehingga sekarang. Setiap rekaan mempunyai maknanya yang tersendiri. Rekaan logo pada Jata Negara mempunyai maksud yang simbolik. Warna kuning melambangkan sistem beraja dalam Malaysia. Bulan pula melambangkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Manakala Bintang 14 penjuru membawa maksud 14 buah negeri bersekutu dalam Malaysia. Dua ekor harimau menjelaskan makna kekuatan, keberanian dan melambangkan budaya Melayu. Selain itu, pada

bahagian tengah Jata Negara mempunyai perisai yang terbahagi kepada 10 bahagian.

Warna merah, putih, kuning dan hitam melambangkan Persekutuan Tanah Melayu merangkumi negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Penggunaan 5 bilah keris membawa maksud Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. Pada bahagian tepi kanan dan kiri pula melambangkan Melaka dan Pulau Pinang. Manakala pada bahagian tengah ialah negeri Sabah dan Sarawak. Pada sebelah bawah pula terdapat Bunga Kebangsaan Malaysia iaitu Bunga Raya (Mesyuarat Pengurusan Protokol Kebangsaan 2018, 3 Disember 2018).

5.2 *Lagu Negaraku*

Lambang kenegaraan kedua yang berfungsi sebagai penyatu ialah Lagu Negaraku. YTM. Tunku Abdul Rahman mencadangkan agar diadakan satu pertandingan mencipta lagu kebangsaan. Cadangan YTM. Tunku ini dipersetujui dan dilaksanakan. Pertandingan ini bukan sahaja terhad kepada penduduk Malaya tetapi telah dibuka ke seluruh dunia. Berikutan itu sebanyak 514 buah lagu telah diterima dari seluruh dunia dan sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk membuat pemilihan dengan teliti dan sempurna.

Jawatankuasa pemilihan ini terdiri daripada:

- Pengerusi: 1) YTM. Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj
Ahli-Ahli: 2) Tuan Haji Mustafa Albakri - Penyimpan Mohor
 Besar Raja-Raja Melayu mewakili Raja-raja
 Melayu
 3) Dato' Abdul Razak Hussein - Menteri Pelajaran
 4) Encik Ya'akob Latiff – Pengarah Penerangan
 5) Encik D.S.P. Croft – Pengarah Muzik, Band Polis
 Persekutuan.
 6) Kapt. Lenthall – Pengarah Muzik, Askar Melayu
 7) Encik A.T. Read – Pengarah Penyiaran Radio

Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya dengan efisien. Mereka meneliti setiap judul lagu yang diterima. Namun demikian jawatankuasa ini berpendapat bahawa tidak ada sebuah lagu dari 514 lagu yang dikemukakan boleh dianggap sesuai untuk dijadikan sebagai lagu kebangsaan. Jawatankuasa ini kemudian berpendapat salah satu cara lagi untuk memperolehi lagu kebangsaan yang baik ialah dengan menjemput beberapa penggubah lagu yang ternama untuk menciptanya. Oleh yang demikian, jawatankuasa ini membuat keputusan mempelawa beberapa orang

penggubah lagu terkenal bertaraf antarabangsa untuk mencipta khususnya kebangsaan ini. Mereka yang dijemput khas untuk menggubah lagu kebangsaan ini adalah terdiri daripada:

- i. Benjamin Britten,
- ii. Sir William Walton,
- iii. Carlo Menetti, dan
- iv. Zubir Said.

Kesemuanya telah menggubah dan mencipta beberapa buah lagu kebangsaan untuk diteliti oleh sebuah Panel Hakim yang dibentuk khas untuk membuat pertimbangan. Panel Hakim berpendapat bahawa lagu ciptaan mereka adalah bermutu tinggi namun masih tiada ada sebuah lagu yang boleh dianggap sesuai untuk dijadikan sebagai lagu kebangsaan (Malaysia, 2017).

Oleh kerana masih belum mendapat lagu yang sesuai maka jawatankuasa telah membuat keputusan untuk mendengarkan semula kesemua lagu negeri yang sedia ada. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti sama ada di antara lagu-lagu kebesaran negeri ini ada yang sesuai untuk dijadikan lagu kebangsaan negara. Setelah mendengar kesemua lagu negeri maka jawatankuasa ini telah membuat keputusan bahawa Lagu Kebesaran Negeri Perak adalah sangat sesuai untuk dijadikan sebagai lagu kebangsaan negara. Oleh yang demikian, lagu tersebut telah dipilih dan dimuktamadkan sebagai Lagu Kebangsaan Malaya yang merdeka dan akhirnya Lagu Kebangsaan Malaysia. Senikata lagu kebangsaan ini telah ditulis bersama oleh Panel Hakim dan YTM. Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan yang penting. Upacara pemilihan lagu kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka diadakan pada 5 Ogos 1957 bertempat di Dewan Polis Depoh, Kuala Lumpur (Arkib Negara Malaysia, 2008).

5.3 Bendera Kebangsaan

Lazim mengetahui bahawa bendera adalah lambang kebanggaan dan kemegahan bagi identiti sebuah institusi, kerajaan atau negara. Pengibaran bendera walaupun nampak mudah, namun bukanlah suatu perkara yang boleh diambil enteng. Dengan mengibarkan bendera di suatu kawasan, ia melambangkan bahawa kawasan itu adalah milik sebuah organisasi atau kerajaan.

Penggunaan bendera sebagai lambang identiti bukanlah satu perkara baharu malah telah digunakan beratus tahun lamanya. Bendera telah mula dipakai sebagai lambang sesebuah kerajaan bermula sejak tahun 1000 sebelum Masihi lagi. Bendera Malaysia, atau lebih sinonim dengan nama Jalur Gemilang, adalah hasil rekaan seorang arkitek kerajaan Johor, iaitu Mohamed Hamzah (Muhammad Faris Zaidi, 4 September 2017).

Bendera Persekutuan Tanah Melayu pertama kali dikibarkan ialah dalam majlis menaikkan bendera tersebut yang dianjurkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British pada 26 Mei 1950 di perkarangan Istana Sultan Selangor. Majlis tersebut dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja-raja Melayu dan Pegawai-Pegawai King George VI. Percantuman Sabah, Sarawak dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu telah melahirkan sebuah negara baharu iaitu Malaysia. Oleh yang demikian, bendera Persekutuan Tanah Melayu telah diubahsuai dengan mengambil kira penambahan negeri-negeri tersebut.

Pada malam 31 Ogos 1997 bersempena Hari Kemerdekaan negara yang ke-40, Perdana Menteri, Tun Mahathir bin Mohamad telah mengisytiharkan nama bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Dalam mesyuarat pada 2 Jun 1997 yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Halim Ali, Ketua Setiausaha Negara ketika itu sebanyak 28 cadangan nama dipertimbangkan. Setelah membuat penelitian, mesyuarat bersetuju memilih tiga nama mengikut keutamaan seperti 'Jalur Gemilang', 'Jalur Nusa Gemilang', dan 'Jalur Sinar Gemilang.' Apabila ketiga-tiga cadangan nama tersebut dibentangkan pada 9 Julai 1997, Jemaah Menteri bersetuju supaya bendera Malaysia diberi nama 'Jalur Gemilang.' Nama Jalur Gemilang diilhamkan oleh Tuan Haji Md Rebutan @ Md. Redzuan bin Tumin iaitu Pegawai dari Jabatan Muzium Negara dan Antikuiti. Pada malam 31 Ogos 1997 bersempena Hari Kemerdekaan negara yang ke-40, Perdana Menteri, Tun Mahathir bin Mohamad telah mengisytiharkan nama bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur (Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia & Arkib Negara Malaysia, 2008).

5.4 Bunga Kebangsaan

Pada tahun 1960, Perdana Menteri, YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah mengisytiharkan Bunga Raya atau nama saintifiknya *Hibiscus Rosa-Sinesis* sebagai Bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Pemilihan bunga tersebut diisytiharkan ketika merasmikan pameran *Malayan Agro-Horticultural Association* (MAHA) di Kelab Turf, Selangor. Sejarah pemilihan bunga kebangsaan bermula pada akhir tahun 1958, apabila Kementerian Pertanian mencadangkan tujuh jenis bunga. Antaranya ialah Bunga Kenanga, Bunga Raya, Bunga Melur, Bunga Teratai, Bunga Mawar, Bunga Cempaka dan Bunga Tanjung. Berdasar kepada pertimbangan dari pelbagai aspek, kabinet memutuskan untuk memilih bunga raya sebagai Bunga Kebangsaan. Hal yang demikian kerana Bunga Raya memiliki kelopak yang besar, lebar dan melentur. Tambahan pula nama Bunga Raya telah dikenali di Tanah Melayu sejak dahulu kala dengan satu nama sahaja (Jabatan Penerangan Malaysia, 2010).

Pemilihan tersebut juga adalah berdasarkan kepada keunikan bunganya yang merah dan dapat melambangkan keteguhan politik serta ekonomi dan sifat keberanian menempuh cabaran. Bunga yang juga dikenali sebagai “*Queen Tropical Flowers*” ini adalah yang tergolong daripada keluarga Malvaceae serta mempunyai 300 spesies tumbuhan. Bunga Raya telah didaftarkan sebagai objek warisan negara di bawah kategori Objek Warisan Ketara pada tahun 2007, sebagaimana yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Pada tahun 1960, Perdana Menteri, YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah mengisytiharkan Bunga Raya atau nama saintifiknya *Hibiscus Rosa-Sinesis* sebagai Bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu ketika merasmikan pameran Malayan Agro-Horticultural Association (MAHA) di Kelab Turf, Selangor (Bunga Raya, 2010).

Selain itu, Bunga Raya menjadi irama Ghazal Melayu oleh negeri Johor.

Bunga Raya bunga yang indah,
Di mana ditanam hidupnya mudah,
Kembang berseri dipandang indah,
Sekali di pandang rasa tak sudah,
Ia bunga jadi pilihan,
Disebut orang tidak berkesudahan,
Diberi gelaran oleh kerajaan,
Bunga Raya Bunga Kebangsaan.

(Senikata lagu Ghazal Melayu Johor: Dipetik dari Koleksi Yayasan Warisan Johor, <http://www.ywj.gov.my/pusat-dokumentasi-johor/>)

5.5 *Bahasa Kebangsaan*

Sebelum Perang Dunia Kedua, dalam kebanyakan negeri Melayu terutamanya bekas Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor, bahasa Melayu digunakan dengan meluas untuk tujuan rasmi seperti dalam mesyuarat, surat menyurat, penulisan minit, dalam prosiding perundangan dan kehakiman. Contohnya dalam surat bertarikh 11 Mei 1914, Sultan Ibrahim, Sultan Negeri Johor, ketika menulis kepada Sir Arthur Young, Gabenor Singapura, telah menulis:

“Beta juga perlu meminta penerimaan Yang Dipertuan terhadap prinsip bahawa bahasa Melayu dan Inggeris harus diterima sebagai bahasa rasmi untuk digunakan di dalam mahkamah keadilan beta dan di dalam semua jabatan kerajaan beta. Berhubung dengan penulisan bahasa Melayu huruf Jawi perlu diberikan pengiktirafan rasmi ini” (Tun Mohd Salleh Abas, 2006: 49-50).

Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah diterima sebagai *lingua franca* atau bahasa komunikasi utama sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 lagi. Bahasa ini digunakan secara meluas dalam bidang perdagangan dan hubungan diplomatik. Hal yang demikian juga dinyatakan dalam Sejarah Melayu. Antaranya ialah bagaimana usaha para pedagang bertungkus lumus mempelajari bahasa Melayu dan menguasainya bagi memudahkan mereka berurusan dengan pemimpin serta masyarakat setempat yang telah lama menggunakan bahasa itu.

Semua rakyat Malaysia perlu terus memartabatkan dan memelihara bahasa Melayu yang diguna pakai sejak dahulu lagi. Raja-Raja Melayu sejak Mesyuarat Durbar pada 1903 membangkitkan soal pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Ketika menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957, Raja-Raja Melayu menetapkan tujuh wasiat, satu daripadanya menyentuh berkaitan bahasa iaitu 'Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu' (Abdul Aziz Bari, 2006: 20). Memartabatkan bahasa Melayu wajar menjadi agenda penting oleh pembuat dan pelaksana dasar selari dengan keperluan Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan (Akta 32) 1963/67 (Muhammad Arif Mohd Hashim, 2017).

6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan maklumat yang berkaitan dengan keseluruhan demografi responden. Antara maklumat responden yang diperolehi adalah berkaitan dengan jantina, umur, dan etnik. Seterusnya perbincangan dapatan kajian juga diperincikan mengikut ketetapan objektif kajian. Seramai 350 orang pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia yang dipilih secara rawak untuk menjawab borang soal selidik ini. Instrumen kajian dibina untuk menjawab objektif kajian. Ini merupakan dapatan kajian yang membincangkan tentang langkah-langkah pemeraksanaan lambang-lambang kenegaraan Malaysia sebagai medium pemangkin patriotisme dalam kalangan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif.

Nilai interpretasi min tentang langkah-langkah pemeraksanaan lambang kenegaraan Malaysia berdasarkan kepada Jadual di bawah.

Jadual 1: Nilai Interpretasi Min Terhadap Langkah-Langkah Pemerkasaan Lambang Kenegeraan Malaysia

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01- 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

(Sumber: Nunnally J. C.,1997)

6.1 Demografi Responden

Perbincangan demografi responden meliputi item iaitu jantina, umur dan etnik.

(i) Jantina

Jadual 2: Jantina

Jantina			
	Kekerapan		Peratus
Lelaki	138		39.4
Perempuan	212		60.6
Total	350		100.0

(Sumber: Ayu Norazilah, Mohamed Ali & Wayu Nor Asikin, 2021)

Majoriti responden ialah perempuan berjumlah 212 orang bersamaan 60.6%. Bagi responden lelaki hanya 138 orang dengan kadar peratusnya 39.4%.

(ii) Umur

Jadual 3: Umur

Umur			
	Kekerapan		Peratus
18-20	233		66.6
21-22	97		27.7
23-24	14		4.0
25-26	2		0.6
27 dan ke atas	4		1.1
Total	350		100.0

(Sumber: Ayu Norazilah, Mohamed Ali & Wayu Nor Asikin, 2021)

Jadual 3 menunjukkan kategori umur responden. Tahap umur dibahagikan kepada 5 kelompok. Majoriti umur responden berada antara 18-20 tahun seramai 233 orang atau 66.6%. Ini diikuti 21-22 tahun sejumlah 97

orang responden bersamaan 27.7%. Seterusnya kelompok umur antara 23-24 tahun mencatatkan 14 orang responden dengan 4.0%. Kelompok umur 25-26 tahun hanya 2 orang responden atau 0.6%. Ini diikuti dengan kelompok umur 27 tahun dan ke atas seramai 4 orang responden iaitu 1.1%.

(iii) Etnik

Jadual 4: Etnik

Etnik			
	Kekerapan		Peratus
Melayu	290		82.9
Cina	45		12.9
India	14		4.0
Lain-lain	1		0.3
Total	350		100.0

(Sumber: Ayu Norazilah, Mohamed Ali & Wayu Nor Asikin, 2021)

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden daripada etnik Melayu seramai 290 orang iaitu 82.9%. Seterusnya etnik Cina berjumlah 45 orang responden dengan 12.9%. Manakala etnik India seramai 14 orang responden atau 4.0%. Lain-lain etnik hanya 1 orang bersamaan dengan 0.3%.

Seterusnya, menganalisis langkah-langkah ke arah pemerkasaan lambang-lambang kenegaraan Malaysia sebagai medium pemangkin patriotisme dalam kalangan para pelajar IPTA dan IPTS dan warga Malaysia. Bahagian ini mempunyai 20 soalan yang perlu dijawab oleh responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa interpretasi min keseluruhan berada pada tahap tinggi dengan kadar min 4.29. Terdapat 19 item yang mempunyai interpretasi min tahap tinggi dan hanya satu soalan interpretasi min sederhana tinggi.

Lambang kenegaraan yang pertama ialah Jata Negara. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

Jadual 5: Interpretasi Min Langkah-Langkah Pemerkasaan Jata Negara

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Masyarakat disyorkan menyertai perhimpunan berunsurkan kenegaraan secara beramai-ramai sebagai pemangkin semangat patriotisme.	4.16	.763	Tinggi
Setiap pemilik kenderaan boleh meletakkan pelekat patriotik pada kenderaan masing-masing sebagai tanda sayang pada negara Malaysia.	4.10	.826	Tinggi
Jata Negara merupakan salah satu identiti negara Malaysia yang perlu dipelihara.	4.38	.674	Tinggi
Jata Negara merupakan lambang rasmi negara yang	4.39	.685	Tinggi

perlu dipaparkan di pejabat kerajaan sebagai tanda patriotisme.

(Sumber: Ayu Norazilah, Mohamed Ali & Wayu Nor Asikin, 2021)

Berdasarkan Jadual 5 di atas, pernyataan Jata Negara merupakan lambang rasmi negara yang perlu dipaparkan di pejabat kerajaan sebagai tanda patriotisme memperoleh min 4.39 dengan interpretasi min adalah tinggi. Ini diikuti dengan pernyataan Jata Negara merupakan salah satu identiti negara Malaysia yang perlu dipelihara. Item ini memperoleh min 4.38 dengan interpretasi min tinggi. Bagi pernyataan setiap pemilik kenderaan boleh meletakkan pelekat patriotik pada kenderaan masing-masing sebagai tanda sayang pada negara Malaysia menunjukkan min 4.10 dengan 0.763 bagi sisihan piawai iaitu interpretasi min tinggi.

Setiap negara mempunyai suatu jata (*emblem*) yang menjadi lambang keutuhan penubuhannya sebagai paparan simbolik. Begitu juga dengan tanah air yang kita cintai, Malaysia. Setiap imej membawa pengertian yang melambangkan tentang sistem pemerintahan di Malaysia. Jata Negara (*National Emblem*) ini sebenarnya membawa maksud tentang penyatuan serta pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (Jabatan Penerangan Malaysia, 2020). Jata Negara dapat menarik minat para pelajar untuk mengenali lambang negara Malaysia seperti kajian yang dilakukan oleh Karmila Mansur (2018). Kajian bertajuk menarik minat, menguasai makna lambang dan menilai kepentingan Jata Negara bagi murid tahun 5 menggunakan kaedah *playcooper*. Walaupun tujuan kajian ini ialah untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek ini, secara tidak langsung aktiviti yang dilaksanakan dapat membentuk pengetahuan tentang lambang dan makna lambang Jata Negara yang mereka terokai sendiri (Karmila Mansur, 2018).

Gambaran perasaan cinta akan tanah air apabila dilihat daripada sudut perspektif Islam adalah seperti firmah Allah SWT dalam Al-Quran surah An-Nisa', ayat 66 yang bermaksud;

وَلَوْ أَنَّا كَتَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنِ اقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ أَوْ أَخْرِجُوا مِنْ دِيَارِكُمْ مَا فَعَلُوهُ إِلَّا قَلِيلٌ مِّنْهُمْ

Terjemahan: “Dan sesungguhnya jika seandainya Kami perintahkan kepada mereka (orang-orang munafik): ‘Bunuhlah diri kamu atau keluarlah dari kampung halaman kamu!’ nescaya mereka tidak akan melakukannya, kecuali sebahagian kecil daripada mereka...” (al-Nisā’, 4: 66).

Lambang kenegaraan yang kedua ialah lagu Negaraku. Dapatan kajian adalah seperti berikut;

Jadual 6: Interpretasi Min Langkah-Langkah Pemerkasaan Lagu Negaraku

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Rakyat Malaysia haruslah berdiri tegak semasa lagu Negaraku berkumandang.	4.58	.622	Tinggi
Organisasi kerajaan dan swasta harus menyanyikan lagu kebangsaan dalam perhimpunan mingguan untuk menyerlahkan semangat patriotik.	4.39	.763	Tinggi
Lagu Negaraku harus dihormati sebagai tanda rakyat Malaysia yang cinta akan negara.	4.57	.586	Tinggi
Rakyat Malaysia perlu menyanyikan Lagu Negaraku dengan penuh semangat.	4.57	.633	Tinggi

(Sumber: Ayu Norazilah, Mohamed Ali & Wayu Nor Asikin, 2021)

Jadual 6 menunjukkan pernyataan bagi lagu Negaraku pula, min 4.58 adalah tertinggi dengan interpretasi min juga tinggi menunjukkan bahawa responden sangat setuju dengan pernyataan rakyat Malaysia haruslah berdiri tegak semasa lagu Negaraku berkumandang. Ini diikuti dengan pernyataan rakyat Malaysia perlu menyanyikan Lagu Negaraku dengan penuh semangat memperoleh min 4.57 dengan interpretasi min tinggi. Seterusnya, pernyataan Lagu Negaraku harus dihormati sebagai tanda rakyat Malaysia yang cinta akan negara mendapat min 4.57 dengan nilai interpretasi min tinggi. Walaupun kedua-dua pernyataan ini memperoleh min yang sama iaitu 4.57, akan tetapi sisihan piawai berbeza iaitu 0.633 dan 0.586. Terakhir bagi item organisasi kerajaan dan swasta harus menyanyikan lagu kebangsaan dalam perhimpunan mingguan untuk menyerlahkan semangat patriotik. Min bagi pernyataan ini ialah 4.39 dengan sisihan piawai 0.763 dan interpretasi min tinggi.

Lagu Negaraku berperanan penting dalam menyeru rakyat daripada berbagai bangsa, agama dan sosiobudaya hidup bersatu padu serta mengejar pelbagai kemajuan. Di samping itu, lagu ini juga memohon rahmat dan kebahagiaan dari Allah SWT untuk kesejahteraan raja, rakyat dan negara tercinta iaitu Malaysia. Inti pati utamanya juga menunjukkan bahawa semua rakyat tanpa mengira agama dan bangsa tetap mempunyai satu lagu yang akan dikumandangkan. Kajian Mohammad Haris Abd Aziz (2016) menjelaskan bahawa Kata Adjektif bukan sahaja dianggap penting dalam menonjolkan keberkesanan lagu-lagu patriotik, tetapi juga menjadi saranan dan saluran pembentukan ideologi pemikiran rakyat Malaysia.

Masyarakat hendaklah diberi kefahaman yang jelas dan mereka perlu mengubah sikap serta mentaliti berkenaan dengan Bendera Kebangsaan yang juga dikenali sebagai Jalur Gemilang menjadi lambang identiti negara tempat tumpah darah kita. Adalah tidak wajar untuk mengambil mudah dan enteng

perihal menjaga martabat identiti negara seperti Bendera Kebangsaan dan juga lagu Kebangsaan (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2019).

Lambang kenegaraan yang ketiga ialah Bendera Kebangsaan. Dapatan kajian adalah seperti berikut;

Jadual 7: Interpretasi Min Langkah-Langkah Pemerkasaan Bendera Kebangsaan

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Kempen mempamerkan Jalur Gemilang adalah tindakan simbolik yang menunjukkan patriotisme.	4.41	.666	Tinggi
Menghargai Jalur Gemilang dapat mewujudkan patriotisme terhadap tanah air.	4.44	.643	Tinggi
Perasaan bangga terhadap tanah air Malaysia dizahirkan dengan mengibarkan Jalur Gemilang.	4.35	.690	Tinggi
Ibu bapa boleh mengambil alternatif untuk mengibarkan Jalur Gemilang di sekeliling rumah termasuk di sekitar kawasan taman perumahan.	4.24	.790	Tinggi

(Sumber: Ayu Norazilah, Mohamed Ali & Wayu Nor Asikin, 2021)

Berdasarkan jadual 7 di atas menunjukkan bahawa pernyataan menghargai Jalur Gemilang dapat mewujudkan patriotisme terhadap tanah air memperoleh min 4.44 dengan interpretasi min tinggi. Ini diikuti dengan min 4.41 dengan sisihan piawai 0.666 iaitu interpretasi min tinggi dengan pernyataan kempen mempamerkan Jalur Gemilang adalah tindakan simbolik yang menunjukkan patriotisme. Berikutnya pernyataan perasaan bangga terhadap tanah air Malaysia dizahirkan dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Pernyataan terakhir bagi Jalur Gemilang ialah Ibu bapa boleh mengambil alternatif untuk mengibarkan Jalur Gemilang di sekeliling rumah termasuk di sekitar kawasan taman perumahan. Pernyataan ini memperoleh min 4.24 dengan sisihan piawai 0.790 iaitu interpretasi min tahap tinggi.

Salah satu lambang negara yang unik dan penting ialah bendera. Bendera sering kali dikaitkan sebagai lambang kepimpinan, penghormatan, maruah dan elemen kedaulatan bagi sesebuah negara. Perasaan bangga terhadap tanah air dizahirkan melalui penggunaan bendera. Bendera juga ditakrifkan sebagai sebidang kain yang diperagakan bagi menunjukkan tanda dan lambang kewujudan yang juga dikenali sebagai panji dan obor. Sejarah Bendera Malaysia bermula apabila Majlis Raja-Raja Persekutuan Tanah Melayu menubuhkan satu jawatankuasa pada tahun 1949 untuk menimbang dan membuat perakuan berkaitan dengan Bendera Persekutuan Tanah Melayu (Jabatan Penerangan Malaysia, Ogos 2010).

Sejarah peperangan dalam Islam jelas menunjukkan Rasulullah SAW mengurniakan bendera kepada panglima atau ketua pasukan. Mereka menganggap amanah yang cukup besar yang wajib dipertahankan dan tidak boleh dijatuhkan sementelahan lagi dari pihak musuh atau dihina. Peperangan Mu'tah menunjukkan bagaimana Ja'far bin Abi Talib R.A menjaga dan

mempertahankan bendera sekalipun kedua-dua belah tangannya ditetak, tetapi tetap mempertahankan bendera dengan tunggul tangan yang berbaki.

Syeikh Sofiyurrahman al-Mubarakfuri menyebut: Setelah Zaid bin Harithah menemui syahid, panji Islam terus diambil oleh Jaafar bin Abi Talib. Beliau juga tidak kurang hebatnya dari Zaid bin Harithah, hingga apabila beliau terasa berat berperang dengan kuda, beliau melompat dari kudanya yang berwarna perang itu lantas disembelihnya. Kini beliau bertempur di bawah, hingga apabila tangan kanannya terputus maka panji Islam itu dipegang dengan tangan kirinya, dan setelah tangan kirinya terpotong pula, lalu diapit bendera itu dengan dua belah lengannya.

Dengan keadaan begini beliau terus menjulang bendera Islam hingga beliau gugur syahid. Ada pula pendapat mengatakan yang beliau telah ditetak oleh seorang tentera Rom sehingga terputus dua, dan kemudian Allah menggantikannya dengan dua sayap yang membolehkan beliau terbang di dalam syurga Allah, ke mana sahaja yang dia mahu. Kerana itu beliau dikenali sebagai Ja'far al-Tayyar dan Jaafar Zu al-Janahain (yang mempunyai dua sayap) (Zulkifli Mohamad al-Bakti, 2019).

Lambang kenegaraan yang keempat ialah Bunga Raya. Dapatan kajian adalah seperti berikut;

Jadual 8: Interpretasi Min Langkah-Langkah Pemeraksanaan Bunga Raya

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Bunga Raya menjadi inspirasi dalam membentuk identiti negara.	4.30	.702	Tinggi
Pada tahun 1989, Taman Bunga Raya Kuala Lumpur dibina khusus sebagai pengiktirafan kepada Bunga Raya sebagai Bunga Kebangsaan yang terletak di Taman Tasik Perdana.	4.00	.810	Sederhana Tinggi
Bunga Raya adalah ratu tumbuhan tropika yang dapat meningkatkan sifat kebanggaan rakyat Malaysia.	4.08	.784	Tinggi
Bunga Raya dijadikan simbol pada medal polis sebagai tanda patriotisme.	4.11	.820	Tinggi

(Sumber: Ayu Norazilah, Mohamed Ali & Wayu Nor Asikin, 2021)

Seterusnya, Jadual 8 di atas menunjukkan dapatan bagi Bunga Raya. Pernyataan Bunga Raya menjadi inspirasi dalam membentuk identiti negara mencatatkan min 4.30 dengan interpretasi min tinggi. Ini diikuti pernyataan Bunga Raya dijadikan simbol pada medal polis sebagai tanda patriotisme memperoleh min 4.11 dengan interpretasi min tinggi iaitu 0.820 bagi sisihan piawai. Pernyataan Bunga Raya adalah ratu tumbuhan tropika yang dapat meningkatkan sifat kebanggaan rakyat Malaysia mendapat min 4.08 dengan interpretasi tinggi. Pada tahun 1989, Taman Bunga Raya Kuala Lumpur dibina khusus sebagai pengiktirafan kepada Bunga Raya sebagai

Bunga Kebangsaan yang terletak di Taman Tasik Perdana memperoleh min 4.00 dengan 0.810 sisihan piawai iaitu interpretasi min sederhana tinggi.

Kelopak Bunga Raya melambangkan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Bentuk lima kelopak yang terdapat pada bunga raya memberi maksud lima prinsip Rukun Negara yang diperkenalkan pada tahun 1970. Manakala kepelbagaian bunga raya dari segi warna, bentuk dan ukuran menjadi lambang pelbagai bangsa, agama dan kebudayaan yang hidup harmoni di negara tercinta ini. Warna merah pula bermaksud kepelbagaian bunga raya dari segi warna, bentuk dan ukuran menjadi lambang pelbagai bangsa. (Muhammad Reza Muhsain, 28 September 2015).

Umat Islam wajib menyokong apa juga usaha untuk menyatu padukan ummah atas dasar akidah dan wajib mendahulukan sangkaan baik kepada perpaduan ini. Janganlah meletakkan andaian atau terlajak berani memberikan andaian buruk sedangkan hati umat Islam hanya mampu dijinakkan oleh Allah SWT (Zamri Hashim, 4 Oktober 2019). Firman Allah SWT yang bermaksud;

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahan: “Dan (Dialah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatupadukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (al-Anfāl, 8: 63)

Demikian juga terdapat banyak larangan ke atas sikap berpecah belah sama ada dari al-Quran mahupun al-Sunnah. Ini seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Terjemahan: Berpegang teguhlah kamu seluruhnya dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah. (āli-Imrān, 3 : 103)

Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya ke atas ayat ini menyebut: “Iaitu janganlah kamu berpecah belah di dalam agama kamu seperti berpecahnya golongan Yahudi dan Nasrani dalam agama mereka”. Kemudian beliau berkata lagi: “Boleh juga ia membawa erti janganlah kamu berpecah belah dengan mengikuti hawa nafsu dan kehendak-kehendak yang berbeza, dan jadilah bersaudara di dalam agama Allah. Maka yang demikian itu akan menghalang kamu dari berpecah belah dan saling bermusuhan” (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018).

Lambang kenegaraan yang keempat ialah Bahasa Kebangsaan. Dapatkan kajian adalah seperti berikut;

Jadual 9: Interpretasi Min Langkah-Langkah Pemeriksaan Bahasa Kebangsaan

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Pelaksanaan Bulan Bahasa Kebangsaan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka mampu mempamerkan jati diri Malaysia.	4.20	.733	Tinggi
Elemen patriotisme terhadap bahasa kebangsaan sebagai 'Bahasa Jiwa Bangsa' perlu ada dalam setiap sanubari rakyat Malaysia.	4.23	.734	Tinggi
Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dijadikan strategi utama dalam memperkasa Bahasa Kebangsaan.	4.05	.778	Tinggi
Setiap warganegara Malaysia yang mengaku dirinya rakyat Malaysia mesti menguasai bahasa Melayu dengan baik.	4.32	.830	Tinggi

(Sumber: Ayu Norazilah, Mohamed Ali & Wayu Nor Asikin, 2021)

Berdasarkan jadual 9 di atas menunjukkan pernyataan setiap warganegara Malaysia yang mengaku dirinya rakyat Malaysia mesti menguasai Bahasa Melayu dengan baik memperoleh min 4.32 dengan interpretasi min tinggi. Ini diikuti dengan elemen patriotisme terhadap bahasa kebangsaan sebagai 'Bahasa Jiwa Bangsa' perlu ada dalam setiap sanubari rakyat Malaysia mendapat min 4.23 iaitu interpretasi min tinggi dan 0.734 sisihan piawai. Manakala pelaksanaan Bulan Bahasa Kebangsaan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka mampu mempamerkan jati diri Malaysia mendapat min 4.20 dengan 0.733 sisihan piawai iaitu interpretasi min tinggi. Bagi pernyataan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dijadikan strategi utama dalam memperkasa Bahasa Kebangsaan mendapat min 4.05 dengan 0.778 sisihan piawai iaitu interpretasi min tahap tinggi.

Sejarah sekali lagi membuktikan tentang kegemilangan bahasa Melayu yang menjadi bahasa perantaraan utama di alam Melayu semenjak kewujudan kerajaan Sriwijaya. Para cendekiawan China berlumba-lumba datang ke Palembang untuk menimba ilmu yang pada ketika itu bahasa Melayu menjadi satu-satunya bahasa yang digunakan di Nusantara. Kedatangan Islam di alam Melayu menyemarakkan lagi penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam pelbagai disiplin ilmu sehingga bahasa Melayu berkembang dan menguasai Aceh, Riau, Melaka, Brunei dan Jawa. Sehingga kedatangan penjajah yang cuba melenyapkan kegemilangan bahasa Melayu dengan membawa budaya dan tamadun Barat termasuklah bahasa mereka (Shamsul Amri Baharuddin, 2016). Tidakkah menjadi satu dosa untuk rakyat Malaysia mempelajari dan menguasai bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Inggeris sebagai ilmu tambah pada diri masing-masing, tetapi janganlah sampai meminggirkan bahasa kebangsaan sehingga

menganggap bahasa Melayu tidak mampu mencipta prestijnya yang tersendiri dalam membentuk minda kelas pertama rakyatnya.

Memandangkan bahasa Melayu telah digunakan sekian lama sebagai bahasa rasmi dan komunikasi serta persuratan maka telah dipersetujui dan disepakati bersama oleh pemimpin pelbagai kaum di negara ini agar ianya menjadi bahasa kebangsaan bagi Persekutuan Malaysia yang merdeka pada tahun 1957. Malahan permuafakatan pelbagai kaum itu dirakamkan dalam bentuk dokumen tertinggi dan luhur iaitu Perlembagaan Negara seperti mana yang termaktub dalam Perkara 152, para 1 sebagai bahasa bagi persekutuan Tanah Melayu atau Malaysia yang merdeka (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2014: 260).

Oleh yang demikian, semenjak itu Bahasa Melayu berkembang luas penggunaannya termasuk menjadi bahasa perantaraan di sekolah-sekolah dan menjadi bahasa rasmi di semua agensi kerajaan termasuk di mahkamah. Laporan Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956 dan Laporan Jawatankuasa Penyemakan Pelajaran Rahman Talib 1960 serta Akta Pelajaran 1961 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) jelas menempatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Misalnya, di dalam PPPM menjelaskan bahawa kemahiran dwibahasa ditekankan dengan penguasaan ke atas bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Justeru itu, bahasa Malaysia adalah bahasa perpaduan; bahasa yang mampu menyatukan pelbagai kumpulan etnik merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak (Sivamurugan Pandian, 15 Oktober 2015).

Rakyat Malaysia dengan jati diri yang tinggi, mampu mengangkat bahasa Melayu terbang lebih tinggi, sejajar dengan pertambahan populasi penutur utamanya di alam Melayu.

Jika kita bertekad untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju, maka seharusnya bahasa Melayu, diberikan nilai ekonomi dan nilai komersial seiring dengan kemajuan negara. Bahasa Melayu hendaklah digunakan dengan meluas dalam semua bidang, baik dalam sektor awam mahupun sektor swasta selaras dengan amalan di negara-negara maju yang menggunakan bahasa kebangsaan masing-masing (Azura Halid, 2019).

Kesimpulan bagi dapatan kajian ini ialah min 4.29 dengan interpretasi tahap tinggi. Ini berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh responden seramai 350 orang. Terdapat 20 soalan yang disediakan bersandarkan kepada lima lambang-lambang kenegaraan Malaysia iaitu Jata Negara, Lagu Negaraku, Bendera Kebangsaan, Bunga Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat 19 soalan memperoleh interpretasi min tahap tinggi antara min 4.05 hingga 4.58. Hanya satu soalan sahaja yang mendapat interpretasi min sederhana tinggi iaitu min 4.00.

7. Kesimpulan

Konklusinya, objektif kajian ini ialah membincangkan tentang langkah-langkah pemerkasaan lambang-lambang kenegaraan Malaysia sebagai pemangkin patriotisme dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa para pelajar di IPT secara keseluruhan memberi sokongan maksimum terhadap langkah-langkah pemerkasaan lambang-lambang kenegaraan Malaysia apabila mencatatkan tahap interpretasi tinggi iaitu min 4.29. Implikasi dapatan kajian kepada pihak berwajib ialah dapat melihat, mengukur, menilai dan mengkaji program yang dilaksanakan selama ini sama ada benar-benar berkesan untuk mewujudkan serta menyemai perasaan cinta akan negara dalam kalangan para pelajar di IPT khususnya. Sedangkan dalam masa yang sama, masih terdapat perbuatan yang tidak menghormati lambang-lambang kenegaraan ini. Ini bermakna, segala perancangan dan pelaksanaan pemerkasaan lambang-lambang kenegaraan ini masih boleh dibuat kajian yang mendatang termasuklah kajian terhadap Rukun Negara yang tidak dikaji dalam kajian ini. Pihak terlibat perlu berterusan mengeluarkan buku-buku yang berkaitan dengan lambang-lambang kenegaraan yang menjadi identiti Malaysia. Begitu juga dengan program berbentuk patriotisme dengan penglibatan seluruh warga IPT di Malaysia tanpa mengira kaum, warna kulit dan agama. Dengan kefahaman patriotik yang tinggi, pemeliharaan dan pemerkasaan perpaduan dapat dibentuk dengan mudah. Dengan itu, peristiwa yang dapat menggugat keamanan negara seperti peristiwa 13 Mei 1969 dan peristiwa Kampung Medan 4 Mac 2001 dapat kita hindari.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim Rasm Uthmani.
- Abdul Aziz Bari. (2006). *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akila Sivakumar. (2018). *National and State Symbols*. Delhi: The Energy and Resource Institute.
- Ahamd Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. (18 September 2014). 'Semangat Patriotisme perlu Dijiwai Bukan Sekadar Simbolik.' Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/node/6611>- Dirujuk pada 4 September 2018.
- Aminudin Mansor. (4 September 2018). "Membina Bangsa dengan Semangat Patriotisme." Utusan Online. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20120824/re_02/Membina-bangsa-dengan-semangat-patriotisme#ixzz5QodmiUO0. Dirujuk pada 4 September 2018.
- Arkib Negara Malaysia. (2008). <http://www.arkib.gov.my/web/guest/pemilihan-lagu-kebangsaan-persekutuan-tanah-melayu>. Dimuat naik 4 September 2018.
- Arkib Negara Malaysia. (2010). *Bunga Raya*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

- Azura Halil. (20 September 2019). 'Memartabat Bahasa Kebangsaan, Memperkukuh Jati Diri'. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/memartabat-bahasa-kebangsaan-memperkukuh-jati-diri-217963>.
- Bunga Raya. (2010). Jabatan Penerangan Malaysia.
- BULETIN BIL.5-2010. (2010). 'Jubli Emas Bunga Raya Bunga Kebangsaan.' Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Keluaran SEP - OKT 2010 https://www.kkmm.gov.my/pdf/buletin%20bil%205_2010.pdf. Dimuat naik 27 Mac 2019.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2020). *Menghormati Lambang-Lambang Kebesaran Negara*. Putrajaya: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Jalur Gemilang. (Ogos 2010). Kuala Lumpur:Jabatan Penerangan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karmila Mansur. (2018). 'Menarik Minat, Menguasai Makna Lambang Dan Menilai Kepentingan Jata Negara Bagi Murid Tahun 5 Menggunakan Kaedah *Playcooper*' dalam *Jurnal Pendidikan Sains Sosial Jilid 1*, 2018: 69-82.
- Koen Setyawan. (2017). *Fakta Unik Lambang Negara di Dunia*. Jakarta: PT Gramedia.
- Koleksi Yayasan Warisan Johor: <http://www.ywj.gov.my/pusat-dokumentasi-johor/>. Dimuat naik 4 September 2019.
- Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia & Arkib Negara Malaysia. (2008). *Jalur Gemilang*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Malaysia. (2017). Jabatan Penerangan Malaysia. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30107?language=my>. Dimuatnaik pada 25 Ogos 2019.
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin. (2014). *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mesyuarat Pengurusan Protokol Kebangsaan 2018. (3 Disember 2018). Penggunaan Lambang Kerajaan Persekutuan (Jata Negara). http://www.istiadat.gov.my/v9/images/mesyuarat_protokol_2018_/M3%20-%20JATA%20NEGARA.pdf. Dimuat naik pada 21 Julai 2019.
- Muhammad Arif Mohd Hashim. (13 Julai 2017). Kuasai Bahasa Melayu Syarat Patriotisme. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/07/301631/kuasai-bahasa-melayu-syarat-patriotisme>. Dimuat naik 4 September 2018.
- Muhammad Faris Zaidi. (4 September 2017). Jalur Gemilang Lambang Kemegahan Negara. <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/jalur-gemilang-lambang-kemegahan-negara-1.522540>. Dimuat naik 21 Julai 2019.
- Muhammad Reza Muhsain, (28 September 2015). *Lambang Perpaduan: Bunga Raya Jadi Identiti Negara*. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia & The New Straits Times Press Bhd. <http://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/4164>
- Mohammad Haris Abd Aziz. (2016). Keunggulan dan Nilai Lagu Patriotik Berdasarkan Aspek Pemilihan Kata Dalam Lirik dan Kesesuaian Elemen Muzik. *Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 769-780. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia*.
- Mohd Zahari Yusoff, Muhammad Shukri Salleh dan Meer Zhar Farouk Amir Razli. (2006). Persepsi Patriotisme di Kalangan Mahasiswa Tinjauan dari Sudut Pemikiran Mahasiswa High Achievers UiTM Cawangan Kelantan. eprints.utm.my/id/eprint/550/1/MohdZahariYusoff2006_Persepsipatriotismedikalan-ganmahasiswa.pdf. Dimuat naik 24 Julai 2019.

Pemeriksaan Lambang Kenegaraan Malaysia Sebagai Pemangkin Patriotisme dalam
Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia

- Nunnally, J. C. (1997). 'The Study of Change Evaluation Research: Principle Concerning Measurement Experimental Design and Analysis.' Dlm. E. L. In. Struening, & M. Guttentag (Edis.). *Handbook of Evaluation Research*. Beverly Hills: Sage.
- Ruhanie Haji Ahmad. (2005). *Patriotisme Malaysia: Penangkis Neoimperalisme*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shamrahayu Ab Aziz. (26 Januari 2016). Identiti Nasional. Berita Harian. <http://www.ikim.gov.my/index.php/2016/01/26/identiti-nasional/> . Dirujuk pada 21 Julai 2019.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2016). *Hubungan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sivamurugan Pandian. (15 Oktober 2015). 'Mendaulatkan Bahasa Kebangsaan.' <http://www.utusan.com.my/rencana/mendaulatkan-bahasa-kebangsaan-1.146617>.
- Tun Mohd Salleh Abas (dikemaskini oleh Haji Salleh Buang). (2006). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Online. (1 Oktober 2010). 'Tuanku Mizan Lancar Sambutan 50 Tahun Bunga Kebangsaan.' http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1001&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm#ixzz5QqSd1I5h. Dirujuk pada 21 Julai 2019.
- Zamri Hashim. (4 Oktober 2019). 'Bersatu Kerana Akidah Jalan Menuju Syurga.' Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/10/613872/bersatu-kerana-akidah-jalan-menuju-syurga>. Dirujuk pada 20 Mac 2021.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (24 Disember 2018). 'Bayan Linnas Siri Ke-159: Muktamar "Kesatuan Islam: Bahaya Berpuak dan Berpecah Belah."' Laman Wab Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2925-bayan-linnas-siri-ke-159-muktamar-kesatuan-islam-bahaya-berpuak-dan-berpecah-belah>. Dirujuk pada 21 Mac 2021.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (25 Ogos 2019). 'Bayan Linnas Siri Ke-210: Bendera Malaysia: Hormatilah.' Laman Wab Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3651-bayan-linnas-siri-ke-210-bendera-malaysia-hormatilah>. Dirujuk pada 21 Mac 2021.